

## **KONSEP TASFIAH DALAM ISLAM: SEJARAH DAHULU DAN KINI**

### **TASFIAH IN ISLAM: HISTORY AND DEFINITION OF CONCEPT**

**Idris Sulaiman**

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600,  
Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mel: idriissulaiman@yahoo.com

**Aminudin Basir**

Institut Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600,  
Bangi, Selangor Malaysia.  
E-mel: manhaj@ukm.edu.my

**Mohamad Sabri Haron**

Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Kompleks Seri Iman, 21100,  
Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.  
E-mel: mufti@terengganu.gov.my

**Fadlan Mohd Othman**

Cheif Executive Officer, Al-Madinah Internasional University, 57100  
Kuala Lumpur  
E-mel: fadlan.othman@mediu.edu.my

### **ABSTRAK**

Syeikh al-Albani merupakan ulama kontemporari pertama yang mempopularkan konsep tasfiah dalam dakwah. Menurut beliau, tasfiah merupakan antara metode yang sepatutnya dijadikan sebagai asas beragama oleh seluruh kaum Muslimin bagi mengembalikan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar sejajar dengan apa yang dibawakan oleh Nabi SAW. Artikel ini membahaskan konsep tasfiah beliau ini dari sudut sejarahnya dalam Islam, dahulu dan kini. Melalui kaedah kajian kualitatif dan pendekatan analisis dokumen, pengkaji mendapati bahawa konsep tasfiah yang diutarakan oleh Syeikh al-Albani mempunyai sejarahnya yang berakar umbi dalam perkembangan Agama Islam. Kajian ini memberi fokus kepada sejarahnya dalam tiga bidang utama Agama iaitu akidah, hadis dan fikah serta peranan yang dimainkan oleh para ulama dalam ketiga-tiga bidang ini untuk menangani penyimpangan dalam akidah serta fahaman-fahaman sesat, memelihara ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan menjelaskan hukum-hakam serta tatacara ibadah sesuai dengan sunah Nabi SAW. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep

tasfiah yang diketengahkan oleh Syeikh al-Albani bukanlah sesuatu yang baharu kerana para ulama sepanjang sejarah Islam telahpun menekankan tentangnya. Impak kajian ini menunjukkan keperluan para ilmuwan menekankan konsep tasfiah dalam dakwah mereka bagi memelihara Agama Islam daripada sebarang penyelewengan.

**Kata kunci:** Syeikh al-Albani, *Tasfiah*, dakwah, Institut Islam Hadhari, UKM.

## ABSTRACT

Shaykh al-Albani is the first contemporary scholar to popularise the concept of *tasfiah* (purification) in da'wah. According to him, *tasfiah* is one of the methods that should be used as a religious basis by all Muslims in order to bring them back to the true teachings of Islam in line with what was taught by the Prophet Muhammad SAW. This article discusses his concept of *tasfiah* based upon its historical point of view in Islam, past and present. Through qualitative research methods and document analysis approach, this study shows that the concept of *tasfiah* is closely related to the history of the development of Islam. This research focuses on its historical development in the three main fields of Islam which is creed, hadith and jurisprudence, and the role played by scholars in dealing with deviations in faith, preserving the authenticity of the hadiths of the Prophet PBUH and explaining the Islamic laws and methods of worship in accordance with the Sunnah of the Prophet Muhammad SAW. The results show that the concept of *tasfiah* expressed by Shaykh al-Albani is not something new because scholars throughout Islamic history had emphasized on this concept. This study also addresses the necessity of emphasizing the concept of *tasfiah* in da'wah among Muslim scholars, in the hope that they might fortify Islam from any deviation.

**Keywords:** Shaykh al-Albani, *Tasfiah*, Purification, Da'wah, Prophet Muhammad.

## 1. PENDAHULUAN

Syeikh al-Albani merupakan ulama pertama yang mempopularkan konsep *tasfiah* dalam dakwah sebagai metode yang perlu dijadikan sebagai asas beragama bagi orang Islam. Menurut beliau pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengubah agama Islam daripada hakikat bentuk asalnya. Perubahan-perubahan tersebut sebahagiannya disadari oleh umat Islam dan sebahagian yang lain tidak. Ia melibatkan perubahan-perubahan dalam pelbagai cabang Agama termasuklah akidah, fiqah dan yang lain. Justeru bagi menangani keadaan ini, Syeikh al-Albani menyarankan supaya umat Islam mengambil pendekatan yang beliau istilahkan sebagai *tasfiah* yang bertujuan untuk memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1421H/2000b). *at-Tasfiah Wa at-Tarbiah Wa Hajah al-Muslimin Ilaiha*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyyah, 3.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui pendekatan analisis dokumen.

## 3. DEFINISI TASFIAH

Dari sudut bahasa (etimologi), tasfiah berasal daripada bahasa Arab yang kembali kepada kata dasar *saffa – yusaffi – tasfiyatan – musaffa (almusaffi) - musaffan* yang bermaksud membersihkan sesuatu daripada perkara-perkara asing dan seterusnya memurnikannya<sup>2</sup> (Ibnu Mandhur 1993) atau dengan kata lain menjadikannya suci dan bersih.<sup>3</sup>

Firman Allah SWT:

أَأْمِنُ نِي نِي نِي بِرٍ ۖ [محمد: ١٥]

Maksudnya: Dan sungai-sungai daripada madu yang suci bersih.

*Tasfiah* boleh diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai pemurnian yang bermaksud perihal atau perbuatan memurnikan. Perkataan ‘murni’ dalam Kamus Dewan bermaksud tidak mengandungi unsur-unsur asing yang biasanya unsur-unsur yang mencemarkan, bersih, benar, suci dan tulen.<sup>4</sup> Justeru pemurnian bermaksud perbuatan menjadikan sesuatu itu bersih, benar, suci dan tulen. Adapun dalam bahasa Inggeris, *tasfiah* disebut sebagai *purification* yang berasal daripada perkataan *purify* yang bermaksud untuk menjadikan sesuatu itu suci dengan menghapuskan kotoran, perkara yang berbahaya dan daripada sebarang perkara yang tidak diperlukan.<sup>5</sup>

Dari sudut istilah (terminologi) pula, *tasfiah* menjurus kepada erti memurnikan Agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya.<sup>6</sup> Syeikh al-Albani dalam hal ini menjelaskan:<sup>7</sup>

<sup>2</sup> Ibnu Mandhur, Muhammad bin Mukrim (1993). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Shadir, 14/462

<sup>3</sup> Sakinah Saptu, Azwira Abd Aziz (2012). Konsep al-Tasfiah Dalam Akidah Berdasarkan Sunnah Nabawiyah. *Jurnal Institut Kajian Hadis*. 2(4), 41-62

<sup>4</sup> Kamus Dewan (2015). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1057

<sup>5</sup> Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English (1995). Ed. Ke-5. Oxford: Oxford University Press, 942

<sup>6</sup> Hadi, Isam Musa (1422H/2001). *Hayat al-Allamah al-Albani*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyyah, 43

<sup>7</sup> Albani, Muhammad Nasiruddin (t.t.). *Fatawa Jiddah*. 17. Diperoleh daripada: <http://www.alalbany.net> [10 Disember 2020]

وَأَنَا أَعْنِي حِينَمَا أَقُولُ بِالتَّصْفِيَةِ: تَصْفِيَةَ الدِّينِ مِمَّا دَخَلَ فِيهِ مِنْ كُلِّ جَوَانِبِ الدِّينِ، سَوَاءً كَانَ الدَّخِيلُ فِي الْعَقَائِدِ أَوْ فِي الْعِبَادَاتِ أَوْ فِي الْأَخْلَاقِ وَالسُّلُوكِ أَوْ فِي غَيْرِ ذَلِكَ.

“Maksud saya apabila saya mengatakan *tasfiah* ialah memurnikan Agama daripada apa yang telah menyusup masuk ke dalam segenap aspek Agama sama ada dalam akidah, ibadah, akhlak dan sebagainya.”

Beliau turut menjelaskan:<sup>8</sup>

وَأَعْنِي بِالتَّصْفِيَةِ: تَقْدِيمَ الْإِسْلَامِ إِلَى الشَّبَابِ الْمُسْلِمِ مُصَفَّى مِنْ كُلِّ مَا دَخَلَ فِيهِ عَلَى مَدِّ هَذِهِ الْقُرُونِ وَالسِّنِينَ الطَّوَالِ مِنَ الْعَقَائِدِ وَالْحُرَفَاتِ وَالْبِدَعِ وَالضَّلَالَاتِ وَمِنْ ذَلِكَ مَا دَخَلَ فِيهِ مِنْ أَحَادِيثٍ غَيْرِ صَحِيحَةٍ قَدْ تَكُونُ مَوْضُوعَةً.

Maksudnya: “Apa yang saya maksudkan dengan *tasfiah* ialah mengetengahkan Islam dalam keadaan murni bebas daripada segala apa yang telah meresap masuk ke dalamnya sepanjang kurun-kurun serta tahun-tahun yang panjang yang melibatkan hal-hal akidah, khurafat, bidaah, dan kesesatan, termasuklah hadis-hadis yang tidak sahih yang telah menyusup masuk ke dalamnya yang barangkali palsu.”

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan *tasfiah* yang pada asalnya dalam bahasa Arab membawa erti pemurnian, dari sudut istilahnya bermaksud memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya. Perkara-perkara asing ini berkaitan dengan bab akidah, fiqah, akhlak dan cabang-cabang Agama yang lain. Ia telah meresap masuk ke dalam agama Islam sehingga dianggap sebagai sebahagian daripada ajaran Islam walhal pada hakikatnya tidak. Perkara-perkara asing ini turut melibatkan kepercayaan-kepercayaan serta amalan-amalan yang wujud dalam masyarakat Islam di mana dari sudut hukumnya ia boleh dikira sebagai sama ada salah, sesat, maksiat, bidaah, khurafat, syirik ataupun kufur.

#### 4. SEJARAH TASFIAH: DAHULU & SEKARANG

Sejarah *tasfiah* mempunyai akar umbinya dalam perkembangan Agama Islam. Walau bagaimanapun, artikel ini memberi fokus kepada sejarahnya dalam tiga bidang utama Agama iaitu akidah, hadis dan fikah serta peranan yang dimainkan oleh para ulama dalam ketiga-tiga bidang ini untuk menangani penyimpangan dalam akidah serta fahaman-fahaman sesat, memelihara ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan menjelaskan hukum-hukum serta tatacara ibadah sesuai dengan sunah Nabi SAW. Perkembangan ketiga-tiga cabang utama ilmu Agama ini boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu pada zaman Rasulullah SAW, zaman

<sup>8</sup> ash-Shibani, Muhammad Ibrahim (1407H/1987). *Hayaat al-Albani Wa Aathaaruhi Wa Thanaa' al-'Ulama 'Alaih*. Kuwait: Markaz al-Makhtutat Wa at-Turath Wa al-Watha'iq, 1/378

Sahabat dan Tabiin, zaman para ulama mujtahid, zaman taklid dan jumud serta pada zaman semasa.

### Zaman Rasulullah SAW

Pada zaman Rasulullah SAW, wahyu turun kepada baginda selama kira-kira 23 tahun sehinggalah Allah SWT menyempurnakan AgamaNya dalam kedua-dua sumbernya iaitu Al-Quran dan hadis. Ayat-ayat Al-Quran telah disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada para Sahabatnya RA lalu mereka yang dilantik telah menulisnya manakala baki majoriti Sahabat yang lain telah menghafalnya. Adapun hadis-hadis baginda SAW, atas keprihatinan para Sahabat, mereka telah mendampingi baginda SAW untuk menghafal kata-katanya, mengawasi pergerakan dan tingkah lakunya serta menyaksikan hukum ketetapan dan hal ehwal urusan baginda SAW. Sekalipun terdapat Sahabat yang menulis hadis, ia lebih kepada inisiatif individu dan kesudahannya bukan semua hadis telah ditulis pada zaman Rasulullah SAW.<sup>9</sup> Walaupun tiada Sahabat yang hafal keseluruhan hadis tetapi mereka secara kolektif telah menghafal kesemuanya dan meriwayatkannya kepada generasi berikutnya.<sup>10</sup>

### Tasfiah Pada Zaman Sahabat dan Tabiin

Para Sahabat merupakan generasi mithali umat Islam yang mendapat didikan langsung daripada Rasulullah SAW. Pada zaman mereka, satu kehidupan Islamik berpandukan manhaj Nabawi telah direalisasikan. Ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad (no. 18406) dan disahihkan oleh al-Albani:<sup>11</sup>

تَكُونُ النَّبُوءُ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَيَّ مِنْهَاجِ النَّبُوءِ، فَتَكُونُ  
مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَرْفَعَهَا.

Maksudnya: “Akan berlangsung (zaman) kenabian di tengah-tengah kalian selama yang Allah inginkan sebelum Dia mengakhirinya. Kemudian berlangsung kekhalfahan menurut manhaj nabawi selama yang Allah inginkan sebelum Dia mengakhirinya”.

Para Sahabat telah melaksanakan tanggungjawab menjaga Agama serta berdakwah menyampaikannya kepada manusia. Pada zaman ini syariat Islam telah ditegakkan sepenuhnya sehingga setiap hukum yang dikeluarkan dipastikan keselariannya dengan syariat. Kekhuatiran para Sahabat akan keciciran Al-Quran telah mendorong mereka untuk membukukan Al-Quran.

<sup>9</sup> al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Amman: Maktabah an-Nafa'is, 72

<sup>10</sup> as-Sais, Muhammad Ali (t.t.). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 48

<sup>11</sup> al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1413H/1992). *Silsilah al-Ahaadith as-Sahihah Wa Syai Min Fiqhiha Wa Fawa'iduha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 34

Ini berbeza dengan hadis yang masih belum dikumpulkan ataupun dibukukan pada zaman mereka.<sup>12</sup>

Walaupun terdapat perselisihan dalam kalangan Sahabat sesudah kewafatan Rasulullah SAW dalam beberapa permasalahan tetapi perselisihan ini sangat sedikit dan tidak melibatkan perkara-perkara pokok Agama seperti akidah, sebaliknya ia lebih kepada permasalahan-permasalahan ijthad dalam perkara-perkara cabang Agama. Apa yang pasti, perselisihan mereka jika tidak berkesudahan dengan kata sepakat, paling tidak ia tidaklah sampai menyebabkan mereka berpecah dan menjadi berpuak-puak seperti mana yang berlaku kepada generasi umat Islam selepas mereka.<sup>13</sup>

Sekalipun demikian, Islam telah menyaksikan bibit-bibit perpecahan umatnya bermula pada zaman ini dan beberapa penyimpangan dalam akidah telah berlaku dalam kalangan sesetengah individu bukan Sahabat sehingga timbulnya kumpulan Syiah dan Khawarij yang merupakan dua aliran sesat yang terawal timbul dalam Islam. Zaman ini turut memperlihatkan bibit-bibit permulaan perbahasan tentang perkara-perkara *mutasyabihat* dan permasalahan takdir serta amalan-amalan bidaah seperti berzikir dan bertakbir secara berjemaah. Para Sahabat telah bangkit membantah penyimpangan-penyimpangan ini secara tegas dan menghalang penyebarannya daripada bertapak.<sup>14</sup>

Generasi Tabiin yang datang selepas itu merupakan sebaik-baik generasi manusia selepas Sahabat RA kerana mereka turut mendukung manhaj Nabawi dengan berpegang teguh kepada Al-Quran dan hadis. Mereka turut menjadikan ijthad para Sahabat sebagai rujukan.<sup>15</sup>

Pada zaman ini fahaman-fahaman sesat Syiah dan Khawarij terus berkembang dan bercambah. Turut disaksikan timbulnya fahaman sesat Qadariyyah yang dipimpin oleh tokoh-tokoh seperti Ma'bad al-Juhani (wafat 80H). Melihat perkembangan ini para Tabiin telah bangkit membantah fahaman-fahaman sesat ini, menghukum bidaah atas orang-orangnya serta mencegah orang ramai daripada mendekati mereka atau duduk bersama mereka. Ini menyebabkan seseorang daripada penganut fahaman sesat ini umpama orang yang menghidap penyakit kudis, tidak ada sesiapa yang mahu duduk bersamanya kecuali orang-orang yang sepertinya.<sup>16</sup>

Perlu dijelaskan bahawa pada kedua-dua zaman Sahabat dan Tabiin belum timbul lagi aliran-aliran falsafah, kaedah-kaedah mantik atau perbahasan-perbahasan ilmu kalam yang

---

<sup>12</sup> al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991), *op.cit*, 65

<sup>13</sup> *Ibid*, 75

<sup>14</sup> al-'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997). *Dirasat Fi al-Ahwa' Wa al-Firaq Wa al-Bida' Wa Mawqif as-Salaf Minha*. Riyadh: Dar Isybilia, 220

<sup>15</sup> al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991), *op.cit*, 80

<sup>16</sup> al-'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997), *op.cit*, 167

kompleks tentang permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan nama-nama Allah, sifat-sifatNya, isu takdir serta perkara-perkara *sam'iyat*.<sup>17</sup>

Penulisan hadis bertambah giat pada zaman Tabiin kerana banyak sebab tetapi antara faktor utamanya ialah kerana timbulnya riwayat-riwayat palsu yang disandarkan kepada Nabi SAW. Justeru bagi memelihara ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan mengelakkannya daripada bercampur dengan riwayat-riwayat palsu, para Tabiin telah bangkit mengumpulkan hadis-hadis Nabi SAW dan menuliskannya dengan sanad-sanadnya.<sup>18</sup> Ibnu Syihab az-Zuhri (wafat 124H) menjelaskan perkara ini dengan berkata:<sup>19</sup>

لَوْلَا أَحَادِيثُ تَأْتِينَا مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ لَنُنْكِرُهَا لَا نَعْرِفُهَا، مَا كَتَبْتُ حَدِيثًا وَلَا أَدْنْتُ فِي كِتَابِهِ.

Maksudnya: Kalaulah bukan kerana hadis-hadis yang sampai kepada kami dari timur yang kami mengingkarinya dan tidak mengetahuinya nescaya aku tidak akan menulis walaupun satu hadis atau mengizinkan ia ditulis.

Antara tulisan-tulisan hadis pada peringkat ini ialah *Sahifah* Saeed bin Jubair (wafat 95H), *Sahifah* Mujahid bin Jabr (wafat 104H), *Sahifah* Ayyub bin Abi Tamimah as-Sakhtayani (wafat 131H) dan banyak lagi. Hanya sahaja penulisan hadis pada peringkat ini dilakukan dalam bentuk lembaran-lembaran kertas catatan secara tidak tersusun.<sup>20</sup>

Adapun dari sudut perkembangan bidang fiqah, zaman ini telah menyaksikan timbulnya aliran Madinah yang menekankan kepada hujah hadis dan *athar* di bawah dukungan ulama-ulama besar Tabiin seperti Saeed bin al-Musayyib (wafat 94H), Ubaidillah bin Abdullah (wafat 98H) dan Sulaiman bin Yasar (wafat 107H). Aliran ini kemudian sampai ke kemuncaknya dengan kedatangan Imam Malik. Di samping aliran ini ialah aliran Kufah yang lebih cenderung kepada berhujah dengan dalil akal berbanding hadis dan *athar* di bawah dukungan ulama-ulama seperti 'Alqamah bin Qais (wafat 62H), Masruq bin al-Ajda' (wafat 63) dan Shuraih bin al-Harith (wafat 82H). Kemuncak aliran ini adalah dengan kedatangan Imam Abu Hanifah pada zaman berikutnya.<sup>21</sup>

### **Tasfiah Pada Zaman Para Ulama Mujtahid**

Pada zaman para ulama mujtahid yang secara relatifnya bermula pada zaman khilafah Abasiyah pada tahun 132H hingga pertengahan abad keempat Hijrah, para ulama zaman ini telah mewarisi ilmu wahyu yang dinukilkan kepada mereka oleh para Sahabat dan Tabiin seperti mana mereka

<sup>17</sup> Ibid, 167

<sup>18</sup> az-Zahrani, Muhammad bin Matar (1426H/2005). *Tadwin as-Sunah an-Nabawiyyah: Nasy'atuhu Wa Tatawwuruhu*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj, 73.

<sup>19</sup> al-Baghdadi, al-Khatib Abu Bakar Ahmad (t.t.). *Taqyid al'Ilm*. Beirut: Ihyaa' as-Sunnah an-Nabawiyyah, 107

<sup>20</sup> az-Zahrani, Muhammad bin Matar (1426H/2005), *op.cit*, 75

<sup>21</sup> al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991), *op.cit*, 87



turut mewarisi ilmu fiqah mereka. Mereka menerima Al-Quran dalam keadaan tertulis dan tersimpan manakala hadis-hadis Nabi SAW pada zaman ini telah tersebar perwayatannya ke segenap penjuru wilayah-wilayah Islam.<sup>22</sup> Kumpulan-kumpulan sesat pada zaman ini terus berkembang dan bercambah manakala fahaman-fahamannya melebar dan pengikut-pengikutnya bertambah. Peringkat ini turut menyaksikan timbulnya fahaman-fahaman sesat baharu seperti Jahmiah, Muktazilah, Murjiah, dan Jabariyyah.<sup>23</sup> Kumpulan-kumpulan ini banyak dipengaruhi fahaman Yunani sehingga lahir prinsip-prinsip *ta'til*, takwil, *tasybih* di samping berhujah dengan akal dan falsafah dalam isu-isu akidah. Ajaran-ajaran sesat tarekat sufi juga bermula pada zaman ini sehingga timbul fahaman-fahaman menyeleweng seperti *dhuq*, kasyaf, membezakan antara syariat dengan hakikat, dakwaan adanya ilmu laduni, mewujudkan sumber baharu untuk *talaqqi* Agama, kepercayaan kepada fana, wahdah al-wujud dan bercampurnya tasawuf dengan ilmu falsafah.<sup>24</sup> Fahaman-fahaman sesat ini ditentang oleh para ulama dan antara mereka ialah Imam Malik bin Anas (wafat 179H) yang mengingatkan tentang bahaya bidaah serta tegahan berbicara tentang perkara-perkara akidah berpandukan akal semata-mata.<sup>25</sup>

Berkembangnya fahaman-fahaman sesat pada zaman ini telah mendorong para ulama mengarang kitab-kitab yang menjelaskan prinsip-prinsip Ahli Sunah seperti kitab *Usul as-Sunnah* oleh Imam Ahmad bin Hanbal (wafat 241H), *al-'Akidah* oleh Abu Bakar al-Khallal (wafat 241), *Syarah as-Sunnah* oleh al-Muzani (wafat 264H). Para ulama turut mengarang kitab-kitab yang menyanggah fahaman-fahaman sesat bagi menjelaskan penyimpangannya serta memberi peringatan kepada umat Islam akan bahayanya. Antara kitab-kitab ini ialah *ar-Rad 'Ala al-Jahmiyyah* oleh Imam Ahmad, *ar-Rad 'Ala Bisyr al-Marisi al-Mu'tazili* oleh Imam ad-Darimi (wafat 255H) dan *Khalq Af'al al-'Ibad* oleh Imam Bukhari (wafat 256H).

Bagi memelihara ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan mengelakkannya daripada bercampur dengan riwayat-riwayat palsu, para ulama zaman ini telah berusaha keras untuk mengumpulkannya dan membukukannya. Bidang hadis dikatakan telah mencapai zaman kegemilangannya pada zaman ini dengan lahirnya kitab-kitab *musnad* dan enam buah kitab rujukan hadis yang utama iaitu *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Daud*, *Sunan at-Tirmidhi*, *Sunan an-Nasa'i* dan *Sunan Ibnu Majah*. Zaman ini turut menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh hadis terkemuka seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Ishāq ibn Rāhwayh (wafat 238H), Yahya bin Ma'in (wafat 233H), Muhammad bin Ismail al-Bukhari (wafat 256H), Muslim bin al-Hajjaj (wafat 261H), Abu Zur'ah ar-Razi (wafat 264H) dan ramai lagi.<sup>26</sup>

Di samping penyusunan hadis mengikut judul dan bab, para ulama zaman ini telah mula menulis tentang perincian ilmu hadis iaitu ilmu *rijal* yang membahaskan latar belakang perawi-

<sup>22</sup> Ibid, 92

<sup>23</sup> al-'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997), *op.cit*,168

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> al-Baghawi, al-Husain bin Masud (1403H/1983). *Syarah as-Sunnah*. Damsyiq: al-Maktab al-Islami, 1/217

<sup>26</sup> az-Zahrani, Muhammad bin Matar (1426H/2005), *op. cit*, 87



perawi hadis bagi membezakan antara perawi-perawi *thiqah* dengan perawi-perawi *daif*. Maka hanya riwayat perawi-perawi *thiqah* sahaja yang diterima dan dianggap sahih manakala selainnya dianggap *daif* dan ditolak. Antara ulama yang menulis tentang ilmu *rijal* pada peringkat ini ialah al-Laith bin Saad (wafat 175H), Abdullah bin al-Mubarak (wafat 181H), Dhamrah bin Rabi'ah (wafat 202H), al-Fadhl bin Dukain (wafat 218H) dan yang lain.<sup>27</sup>

Memandangkan hadis-hadis Nabi SAW dinukilkan secara riwayat dan tiada jalan untuk mengenal pasti antara hadis sahih dengan hadis *daif* atau *mauduk* melainkan dengan mengetahui kedudukan perawi-perawinya sama ada riwayat mereka boleh diterima atau tidak, maka para ulama zaman ini telah meletakkan istilah-istilah tertentu bagi menjelaskan kedudukan perawi-perawi hadis. Antara istilah-istilah ini ialah *thiqah* (diyakini), *saduq* (dipercayai), *la yuhtajju bihi* (tidak boleh dijadikan hujah), *daif* (lemah), *la yuktabu hadithuhu* (tidak boleh ditulis riwayatnya), *muttahamun bil kadhibi* (dituduh sebagai pendusta), *kadh'dhab* (penipu), *wad'dak* (pemalsu hadis) dan sebagainya.<sup>28</sup> Menjelaskan kedudukan perawi khususnya jika riwayat mereka lemah apatah lagi palsu dikategorikan sebagai *ghibah* yang diharuskan kerana ia bertujuan untuk memastikan ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan memurnikannya daripada riwayat-riwayat lemah dan palsu.<sup>29</sup>

Di samping bidang hadis, penyusunan bidang fiqah turut bermula pada zaman ini. Ia tertumpu kepada menjelaskan hukum-hakam serta tatacara ibadah sesuai dengan sunah Nabi SAW. Usaha ini secara langsung menyumbang ke arah memurnikan Agama daripada perkara-perkara asing yang bukan daripada Agama. Antara fuqaha pada peringkat ini yang menyeru kepada as-Sunah dan melarang daripada amalan-amalan yang menyalahi syariat ialah Abu Hanifah an-Nu'man bin Thabit (wafat 150H), Sufyan ath-Thawri (wafat 161H), Malik bin Anas (wafat 179H), Abdullah bin al-Mubarak (wafat 181H), Yahya al-Qattan (wafat 198H), Sufyan bin 'Uyaynah (wafat 198H), Muhammad bin Idris ash-Shafii (wafat 204H) dan Ahmad bin Hanbal r.h.<sup>30</sup>

Di samping menjelaskan kedudukan Al-Quran dan hadis, para ulama turut menegah daripada sikap taasub kepada pendapat-pendapat tokoh lebih-lebih lagi sekiranya pendapat tokoh itu bertentangan dengan nas. Dalam perkara ini Imam Ahmad berkata "Pendapat al-Auza'i (wafat 157H), pendapat Malik (wafat 179H) dan pendapat Sufyan (wafat (198H), ia semua merupakan pendapat. Bagi aku ia semua sama. Apa yang sepatutnya menjadi hujah ialah *athar-athar*".<sup>31</sup> Mereka turut mempertahankan as-Sunah serta memberi amaran akan bahaya bidaah. Menurut

<sup>27</sup> Ibid, 88

<sup>28</sup> as-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman Abu Bakar (1422H/2001). *Tadrib ar-Rawi*. Riyadh: Dar Tayyibah, 383

<sup>29</sup> an-Nawawi, Yahya Syaraf (1428H/2007). *Riyad as-Salihin*. Beirut: Dar Ibnu Kathir, 425

<sup>30</sup> Al - 'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997), *op. cit*, 80

<sup>31</sup> Ibnu Abdul Bar, Yusuf (1414H/1994). *Jami' Bayan al-'Ilm Wa Fadhliah*. Jil. ke-2. Dammam: Dar Ibnu al-Jauzi, 2/1082

Sufyan ath-Thawri (wafat 161H) “Bidaah itu lebih dicintai oleh Iblis berbanding maksiat. Maksiat (kebiasaannya) orang-orang bertaubat daripadanya sedangkan bidaah tidak.”<sup>32</sup>

### ***Tasfiah Pada Zaman Taklid dan Jumud***

Zaman para ulama mujtahid telah disusuli dengan zaman taklid dan jumud yang bermula pada pertengahan abad keempat Hijrah apabila kerajaan Abasiah mula menjadi lemah. Zaman ini menyaksikan umat Islam mula cenderung kepada taklid dalam urusan Agama mereka dan menjauhi *ittiba'*. Pada peringkat ini fahaman-fahaman sesat terus berkembang dan bertambah. Fahaman Jahmiah dan Muktazilah terus merebak sehingga bercampur dengan fahaman-fahaman sesat lain seperti Rafidah, Khawarij, Batiniah, falsafah dan ahli kalam.<sup>33</sup> Para ulama terus membantah fahaman-fahaman sesat ini dengan mengarang kitab-kitab seperti *'Akidah at-Tahawiyah* oleh Imam at-Tahawi (wafat 321H), *al-Ibanah 'An Usul ad-Diyanah* oleh Abu al-Hasan al-Ash'ari (wafat 324H), *Sharah as-Sunnah* oleh Imam al-Barbahari (wafat 329H), *al-Farq Baina al-Firqah* oleh Abu Mansur al-Asfarayini (wafat 429H), *al-Fasl Fi al-Milal* oleh Ibnu Hazm az-Zahiri (wafat 456H), *Dham al-Kalam Wa Ahluhu* oleh Abu Ismail al-Harawi (wafat 481H), *Fada'ih al-Batiniyyah* oleh Abu Hamid al-Ghazali (wafat 505H), *al-Hawadith Wa al-Bida'* oleh Abu Bakar at-Tartushi (wafat 520H), *al-Milal Wa an-Nihal* oleh Abu Bakar ash-Shahrastani (wafat 548H) dan banyak lagi.

Usaha menjaga Agama dan memurnikannya daripada fahaman-fahaman asing diteruskan oleh para ulama seperti al-Hafiz Abdul Ghani al-Maqdisi (wafat 600H), Ibnu al-Athir (wafat 606H), ad-Diyaa' al-Maqdisi (wafat 643H), al-Hafiz al-Mundhiri (wafat 656H), Syeikhul Islam Ibnu Taimiah (wafat 728H), Ibnu al-Qayyim (wafat 751H), Shamsuddin adh-Dhahabi (wafat 748H), Ibnu Kathir (wafat 774H), Ibnu Rajab (wafat 795H), al-Hafiz al-'Iraqi (806H), Ibnu Hajar (wafat 852H) dan yang lain.

Amalan-amalan yang menyalahi syariat turut dibantah oleh para ulama. Sebagai contohnya Sultan al-'Ulama al-'Izz bin Abdul Salam (wafat 660H) telah mengingkari solat ar-Ragha'ib dan solat Nisfu Syaaban yang diamalkan oleh masyarakat pada zamannya atas alasan bahawa ia tidak dilakukan oleh Nabi SAW.<sup>34</sup> Syeikhul Islam Ibnu Taimiah juga merupakan antara ulama besar yang gigih mempertahankan Agama dan memurnikannya daripada amalan-amalan tokoh tambah yang dilakukan oleh masyarakat.<sup>35</sup> Antara amalan-amalan ini ialah perbuatan bermusafir menziarahi perkuburan para nabi dan seumpamanya untuk berdoa, beriktikaf, memperoleh berkat dan sebagainya. Amalan ini ditentang oleh beliau dalam kitabnya *al-Ikhna'iyah*<sup>36</sup> dan *Qa'idah Jalilah Fi at-Tawassul*<sup>37</sup> di mana beliau menjelaskan bahawa ia

<sup>32</sup> al-Baghawi, al-Husain bin Masud (1403H/1983). *Syarah as-Sunnah*. Damsyiq: al-Maktab al-Islami, 1/216

<sup>33</sup> al-'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997), *op. cit*, 115

<sup>34</sup> as-Subki, Tajuddin Abdul Wahab (1413H/1992). *Tabaqat ash-Shafi'iyah al-Kubra*. Kaherah: Hajr Li an-Shar Wa at-Tauzi', 8/251

<sup>35</sup> al-Baitar, Muhammad Bahjat (1380H/1961). *Hayat Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami, 28

<sup>36</sup> Ibnu Taimiah, Ahmad Abdul Salam (1420H/2000). *al-Ikhna'iyah (ar-Rad 'Ala al-Ikhna'iyah)*. Jeddah: Dar al-Kharraz, 102

<sup>37</sup> Ibnu Taimiah, Ahmad Abdul Salam (1420H/1999). *Qa'idah Jalilah Fi at-Tawassuli Wa al-Wasilah*. Riyadh: Ri'asah Idarah al-Buhuth al-'Ilmiyyah, 49

menyalahi hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari (no. 1189) di mana Nabi SAW bersabda “Tidak boleh bermusafir ke selain tiga buah masjid...” dan hadis “Jangan kamu solat menghadap kubur dan jangan pula kamu duduk di atasnya” yang diriwayatkan oleh Muslim (no. 98).

Adapun bidang hadis, ia terus berkembang pada zaman ini dan para ulama terus gigih memeliharanya dan memurnikannya daripada hadis-hadis yang *daif* dan *maudhuk*. Beberapa jenis karangan hadis muncul buat pertama kali pada peringkat ini iaitu bidang *mustalah hadis* yang menghimpunkan kaedah-kaedah ilmu hadis dan cara-cara untuk menentukan sama ada sesebuah hadis itu sahih atau tidak. Buku terawal yang dikarang dalam bidang ini ialah kitab *al-Muhaddith al-Fasil* oleh Imam ar-Ramharmazi (wafat 360) dan kitab *Ma'rifah Ulum al-Hadith* oleh Imam al-Hakim (wafat 405H).<sup>38</sup> Termasuk antara jenis karangan baharu dalam ilmu hadis yang muncul pada peringkat ini ialah kitab *Musykil al-Athaar* oleh Abu Ja'far at-Tahawi (wafat 321H) di mana penulisnya menjelaskan bahawa beliau mengarang kitabnya itu kerana mendapati terdapat kesamaran dalam kalangan masyarakat Islam tentang makna sejumlah hadis. Justeru beliau telah mengumpulkan hadis-hadis yang zahirnya bercanggahan antara satu sama lain dan berusaha untuk mengharmonikan antara maknanya dengan cara menjelaskan makna setiap sebuah hadis sehingga tidak lagi nampak bercanggahan.<sup>39</sup>

Sekalipun para ulama sejak awal lagi telah memberi perhatian kepada menjelaskan hadis-hadis *mauduk* yang disandarkan kepada Nabi SAW, hanya sahaja perkara ini dimuatkan dalam kitab-kitab mereka secara tidak tersusun. Justeru antara inisiatif yang diambil oleh para ulama zaman ini adalah untuk mengumpulkan hadis-hadis *mauduk* dalam sebuah kitab bagi memudahkan umat Islam membuat rujukan.<sup>40</sup> Antara kitab-kitab ini ialah *al-Maudu'at* oleh Ibnu al-Jauzi (wafat 597H), *al-Aala' al-Masnu'ah Fi al-Ahaadith al-Maudu'ah* oleh Imam as-Sayuti (wafat 911H), *al-Asrar al-Marfu'ah Fi al-Ahaadith al-Maudu'ah* oleh Mulla Ali al-Qari (wafat 1014H) dan *al-Fawa'id al-Majmu'ah Fi al-Ahaadith al-Maudu'ah* oleh Imam ash-Shaukani (wafat 1255H).

Zaman ini turut melihat timbulnya kitab-kitab *takhrij* yang antara tujuannya ialah untuk mengesan lokasi sesebuah hadis dan menentukan kedudukannya sama ada *sahih* atau *daif*.<sup>41</sup> Antara buku-buku *takhrij* pada zaman ini ialah *Nasb ar-Rayah Li Ahadith al-Hidayah Li al-Murghinani* dan *Takhrij Ahadith al-Kash'shaf*, kedua-duanya dikarang oleh az-Zaila'i (wafat 762H), *al-Mughni 'An Haml al-Asfar Fi Takhrij Ma Fi Ihyaa' Ulum ad-Din Min al-Akhbar* oleh al-Hafiz al-'Iraqi (wafat 806H) dan *at-Talkhis al-Habir Takhrij Ahadith al-Wajiz al-Kabir Li ar-Rafi'i* oleh Ibnu Hajar (wafat 974H).

<sup>38</sup> az-Zahrani, Muhammad bin Matar (1426H/2005), *op.cit*, 132

<sup>39</sup> at-Tahawi, Ahmad Muhammad (1994b). *Sharah Mushkil al-Athaar*. Beirut: Mu'assasah ar-Risalah, 1/6

<sup>40</sup> az-Zahrani, Muhammad bin Matar (1426H/2005), *op.cit*, 181

<sup>41</sup> al-A'dhami, Muhammad Dhiya' ar-Rahman (1420H/1999). *Mu'jam Mustalahat al-Hadith Wa Lataa'if al-Asaanid*, Riyadh: Maktabah Adhwa' as-Salaf, 83

Dalam bidang fiqah pula, perkembangan pada zaman ini menyaksikan satu perubahan apabila ramai daripada kalangan fuqaha cenderung untuk bertaklid kepada mazhab tertentu seperti Hanafi, Maliki, Shafii atau Hanbali. Mereka menjadikan prinsip-prinsip mazhab sebagai asas pemahaman dan penyelesaian yang mengikat mereka daripada melihat pandangan-pandangan lain di luar mazhab.<sup>42</sup> Berbeza dengan zaman sebelumnya di mana tumpuan diberikan kepada *fiqh as-Sunah*, kini tumpuan diberikan kepada *fiqh al-mazhab* manakala para mujtahid pada zaman ini lebih dikenali sebagai mujtahid mazhab yang hanya berijtihad dalam lingkungan pendapat-pendapat mazhab. Menurut al-Ashqar, kecenderungan kebanyakan fuqaha pada zaman ini kepada *fiqh mazhab* telah membuatkan mereka jahil tentang as-Sunah sehingga tidak dapat membezakan antara hadis sahih dengan hadis *daif* lalu memuatkan banyak hadis *daif* dan *mauduk* dalam buku-buku mereka.<sup>43</sup>

Masyarakat Islam pula pada zaman ini dilihat semakin lama semakin bertaklid dan jumud kepada sesebuah mazhab. Antara alasannya ialah kerana tanggapan bahawa mazhab yang dianuti itu lebih dekat kepada kebenaran berbanding mazhab lain, dan ada yang melampau dan taasub sampai mewajibkannya dan melarang daripada mengikuti mazhab lain.<sup>44</sup> Ayat Al-Quran atau hadis dilihat hanya untuk bertabaruk dan mendapat fadilat sahaja dan bukan untuk berhujah atau beramal dengan isi maknanya. Jika terdapat pandangan mazhab yang menyalahi hadis nescaya pandangan mazhab akan tetap didahulukan atas alasan bahawa imam mazhab lebih tahu mengenainya.<sup>45</sup> Dan keadaan ini berlaku sehingga sampai satu masa pengikut mazhab tidak lagi merujuk buku-buku karangan imam mazhab sebaliknya mereka sekadar melihat buku-buku mazhab yang dikarang oleh ulama yang datang kemudian seperti buku *Rad al-Muhtar* oleh Ibnu Abidin (wafat 1252H) dalam mazhab Hanafi, *Mukhtasar Khalil* oleh Khalil bin Ishaq (wafat 776H) dalam mazhab Maliki, *al-Muhadh'dhab* oleh Abu Ishaq ash-Shirazi (wafat 476H) dalam mazhab Shafii dan *Kash'shaf al-Qina'* oleh Mansur al-Bahuti (wafat 1051H) dalam mazhab Hanbali.<sup>46</sup>

Sekalipun demikian, terdapat dalam kalangan ilmuwan zaman ini yang memberi perhatian kepada *fiqh as-Sunah* dengan mensyarahkan hadis-hadis hukum dengan membezakan antara hadis yang sahih dengan yang *daif* seperti Abdul Ghani al-Maqdisi (wafat 600H) dalam bukunya *'Umdah al-Ahkam* dan Ibnu Hajar al-'Asqalani (wafat 852H) dalam bukunya *Bulugh al-Maram*. Al-'Izz bin Abdul Salam (wafat 660H) merupakan antara ulama pada zaman ini yang mengingkari kecenderungan masyarakat Islam bertaklid dan bersikap taasub kepada mazhab.<sup>47</sup> Adapun buku-buku seperti *Jami' al-Usul Fi Ahadith ar-Rasu* oleh Ibnu Athir (wafat 606H), *Mishkat al-Masabih* oleh at-Tabrizi (wafat 741H) dan *al-Matalib al-'Aliah* oleh Ibnu Hajar,

<sup>42</sup> al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991), *op.cit*, 119

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Ibid.

<sup>45</sup> Ibnu al-Qayyim, Muhammad Abu Bakar (1423H/2002). *'Ilaam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Aalamin*. Dammam: Dar Ibnu al-Jauzi, 127

<sup>46</sup> al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991), *op.cit*, 117

<sup>47</sup> Ibid, 142

ketiga-tiga buku ini menghimpunkan hadis-hadis yang terdapat dalam kitab-kitab hadis utama seperti *Sahih Bukhari* dan *Sahih Muslim* serta kitab-kitab *Sunan*, dan menyusunnya mengikut topik-topiknya termasuklah dalam bab-bab fiqah bagi mendekati masyarakat kepada hadis-hadis Nabi SAW.<sup>48</sup> Terdapat juga fuqaha pada zaman ini yang menulis kitab mereka mengikut metodologi ulama terdahulu dengan menukilkan kenyataan para Sahabat, Tabiin dan ulama-ulama keempat-empat mazhab di samping mengetengahkan dalil-dalil setiap pendapat, membezakan antara dalil yang sahih dengan dalil yang lemah serta menjelaskan pendapat yang *rajih* dalam sesuatu permasalahan secara saksama.<sup>49</sup> Kaedah ini disebut sebagai *fiqh al-muqaran*.<sup>50</sup> Antara kitab-kitab ini ialah *al-Muhalla* oleh Ibnu Hazm (wafat 456H), *Bidayah al-Mujtahid* oleh Ibnu Rushd (wafat 595H), *al-Mughni* oleh Ibnu Qudamah (wafat 620H), *al-Majumuk* oleh an-Nawawi (wafat 676H) dan buku-buku karangan Ibnu Taimiah (wafat 728H) khususnya kitab *Fatawanya*.

### **Tasfiah Pada Zaman Semasa**

Pada zaman sekarang, fahaman-fahaman sesat terus tersebar dalam kalangan umat Islam dan jumlahnya pada hari ini paling banyak berbanding sebelum ini. Fahaman-fahaman ini mempunyai asal usulnya dalam sejarah Islam. Ia tidak wujud dengan sendirinya pada zaman ini, sebaliknya ia merupakan kesinambungan daripada rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman lepas.<sup>51</sup> Ini selari dengan apa yang disimpulkan oleh at-Tartusyiy yang mengatakan bahawa asal kumpulan-kumpulan sesat dalam Islam ialah empat manakala baki kumpulan-kumpulan yang lain lahir daripadanya. Empat kumpulan ini ialah Qadariah, Syiah, Khawarij dan Jahmiah. Maka fahaman kumpulan-kumpulan sesat yang ada pada hari ini mempunyai ciri-ciri persamaan dengan salah satu daripada empat kumpulan sesat ini atau gabungan dua atau lebih daripadanya.<sup>52</sup>

Sekalipun demikian, satu perubahan positif dalam dakwah Islam telah berlaku pada zaman sekarang melalui kemajuan teknologi dan media cetak yang telah banyak membantu menyebarkan buku-buku karangan ulama silam dan kontemporari ke segenap penjuru dunia, dengan dibantu teknologi Internet serta media-media sosial seperti Youtube, Facebook dan lain-lain. Para ulama hari ini terus gigih menentang fahaman-fahaman sesat yang tular dalam masyarakat dengan dibantu oleh pihak-pihak berkuasa di negara masing-masing. Di negeri Selangor misalnya, sebanyak 19 ajaran sesat dikesan masih aktif daripada 39 ajaran yang difatwakan sesat di negeri ini antaranya ialah Syiah, Milah Abraham, Daesh, anti hadis, pemahaman liberalisme, Ajaran Islam Jemaah, al-Arqam, Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Junid dan

---

<sup>48</sup> Ibid, 121

<sup>49</sup> Ibid, 127

<sup>50</sup> ad-Darini, Muhammad Fathi (1411H/1991), *op.cit*, 172

<sup>51</sup> al- 'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997), *op.cit*, 171

<sup>52</sup> at-Tartusyiy, Muhammad bin Walid (1419H/1998). *al-Hawadith Wal Bida'*. Dammam: Dar Ibnu al-Jauzi, 33



Aurat Islamiah Mahmud Haji Abdul Rahman. Susulan daripada itu beberapa siri tangkapan telah dilakukan.<sup>53</sup>

Bidang hadis pada hari ini terus berkembang dan mendapat perhatian. Kesedaran tentang pentingnya menyaring antara hadis sahih dengan hadis *daif* dilihat semakin bertambah dengan adanya kajian-kajian yang dijalankan oleh ilmuwan-ilmuwan kontemporari seperti Syeikh Ahmad Shakir (wafat 1958), Syeikh al-Albani (wafat 1999), Syeikh Bin Baz (wafat 1999) dan Syeikh Muqbil al-Wadi'i (wafat 2001) di samping penubuhan pusat-pusat kajian hadis di serata dunia seperti Pusat Khidmat as-Sunah dan Sirah an-Nabawiyah di bawah kelolaan Universiti Islam Madinah di Madinah, Arab Saudi, Pusat as-Sirah dan as-Sunah di bawah kelolaan Majlis Tertinggi Agama, Kementerian Wakaf Mesir di Kaherah, Mesir, Dar al-Hadith al-Husniyyah di Rabat, Maghribi, Pertubuhan al-Hadith asy-Syarif Wa Ihyaa' at-Turath di Amman, Jordan dan Dar al-Ulum di Deoband, India.<sup>54</sup> Adapun di Malaysia, sebuah Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadith telah ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri pada 31 Oktober 2016 sebagai pusat rujukan bagi menentukan kesahihan sumber hadis.<sup>55</sup>

Adapun dalam bidang fiqah, kebanyakan negara-negara Islam mewarisi kesan daripada taklid dan jumud yang melanda masyarakat Islam sekian lama. Sebagai contohnya mazhab Maliki banyak tersebar di negara-negara Islam di benua Afrika seperti Maghribi, Algeria, Tunis dan Libya. Di Mesir, mazhab rasmi negara ialah Hanafi tetapi ramai penduduk kampung yang bermazhab Shafii. Negara-negara Syam banyak didominasi mazhab Hanafi sekalipun ada yang bermazhab Syafii dan Hanbali. Majoriti masyarakat Islam di India dan Pakistan bermazhab Hanafi manakala di negara-negara tenggara Asia bermazhab Shafii.<sup>56</sup>

Walau bagaimanapun, sifat jumud dan taasub kini dilihat tidak lagi seperti dahulu, khususnya di Malaysia. Masyarakat Islam di negara ini semakin terbuka untuk menerima perbezaan dan mengambil pendapat daripada mazhab lain. Sebagai contohnya, laman sesawang Jabatan Mufti negeri Selangor menyatakan bahawa sekalipun pada lazimnya jawatankuasa fatwa hendaklah mengikut *qaul* muktamad mazhab Shafii tetapi untuk kepentingan awam ia boleh mengikut *qaul* muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.<sup>57</sup>

## 5. KESIMPULAN

Daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa para ulama zaman berzaman terus memikul tanggungjawab menjaga Agama dan memurnikannya daripada perkara-perkara asing yang menyusup masuk ke dalamnya. Hal ini selari dengan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan

<sup>53</sup> Siraj Mohd Zaini (2017). *19 Ajaran Sesat Masih Aktif di Selangor*. *Harian Metro*, 7 November 2017, 4

<sup>54</sup> Ghouri, Syed Abdul Majid (2017). *al-Marakiz al-'Ilmiyyah al-Mukhtashshah Bi Khidmat al-Hadis an-Nabawi Fi al-'Alam al-Islami Fi al-'Asr al-Hadhir*. *Proceedings of the 2nd INHAD Internasional Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016*. Code 2028

<sup>55</sup> Irwan Shafrizan (2016). *Lajnah Tahqiq Hadith Tentukan Kesahihan Hadis*. *Berita Harian*: 3

<sup>56</sup> Ahmad Timur. 1411H / 1990. *Nazrah Tarikhiyyah Fi Huduth al-Madhahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Qadiri, 50-84

<sup>57</sup> muftiselangor.gov (t.t.). *Soalan-Soalan Lazim*. Diperoleh daripada: <https://www.muftiselangor.gov.my/en/faq> [24 November 2020].



Muslim di mana Nabi SAW bersabda, “Akan sentiasa ada sekumpulan daripada umatku yang zahir atas kebenaran sehingga tiba Hari Kiamat”. Para ulama terus memelihara akidah Islam daripada fahaman-fahaman sesat yang menyimpang, menjaga hadis-hadis Nabi SAW dan menyaringnya bagi membezakan antara yang sahih dengan yang *daif* di samping sedaya upaya membebaskan masyarakat Islam daripada sifat jumud dan taasub dalam permasalahan-permasalahan fiqah.

Justeru konsep *tasfiah* yang diutarakan oleh Syeikh al-Albani pada hakikatnya bukanlah sesuatu yang baharu dalam Agama. Hanya sahaja boleh dikatakan bahawa beliau merupakan antara ilmuwan pada zaman ini yang menekankan perkara ini dan memberi nafas baharu kepadanya dengan istilah *tasfiah* yang beliau pelopori.

## RUJUKAN

- [1] Al-Quran
- [2] ad-Darini, Muhammad Fathi (1411H/1991). *al-Fiqh al-Islami al-Muqarin*. Damsyiq: Jami'ah Damsyiq.
- [3] adh-Dhahabi, Shamsuddin Muhammad Ahmad (1405H/1985). *Siyar 'A'lam an-Nubala'*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- [4] al-'Aql, Nasir Abdul Karim (1418H/1997). *Dirasat Fi al-Ahwaa' Wa al-Firaq Wa al-Bida' Wa Mawqif as-Salaf Minha*. Riyadh: Dar Isybiliah.
- [5] al-A'dhami, Muhammad Dhiya' ar-Rahman (1420H/1999). *Mu'jam Mustalahat al-Hadith Wa Lataa'if al-Asaanid*. Riyadh: Maktabah Adhwa' as-Salaf.
- [6] al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1412H/1992b). *Silsilah al-Ahaadith ad-Daifah Wa Atharuha as-Sayyi'u Fi al-Ummah*. Jil. 4. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- [7] al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1413H/1992). *Silsilah al-Ahaadith as-Sahihah Wa Syai Min Fiqhiha Wa Fawa'idiha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- [8] al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1421H/2000b). *at-Tasfiah Wa at-Tarbiah Wa Hajah al-Muslimin Ilaihimah*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- [9] al-Albani, Muhammad Nasiruddin (t.t.). *Fatawa Jiddah*. 17. Diperoleh daripada: <http://www.alalbany.net> [10 Disember 2020]
- [10] al-Ashqar, Omar Sulaiman (1413H/1991). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Amman: Maktabah an-Nafa'is.

- [11] al-Baghawi, al-Husain bin Masud (1403H/1983). *Syarah as-Sunnah*. Damsyiq: al-Maktab al-Islami.
- [12] al-Baghdadi, al-Khatib Abu Bakar Ahmad (t.t.). *Taqyid al'Ilm*. Beirut: Ihyaa' as-Sunnah an-Nabawiyyah.
- [13] al-Baitar, Muhammad Bahjat (1380H/1961). *Hayat Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- [14] ash-Shibani, Muhammad Ibrahim (1407H/1987). *Hayaat al-Albani Wa Aathaaruhu Wa Thanaa' al-'Ulama 'Alaih*. Kuwait: Markaz al-Makhtutat Wa at-Turath Wa al-Watha'iq.
- [15] as-Sais, Muhammad Ali (t.t.). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [16] as-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman Abu Bakar (1422H/2001). *Tadrib ar-Rawi*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- [17] as-Subki, Tajuddin Abdul Wahab (1413H/1992). *Tabaqat ash-Shafi'iyyah al-Kubra*. Kaherah: Hajr Li an-Shar Wa at-Tauzi'.
- [18] at-Tahawi, Ahmad Muhammad (1994b). *Sharah Mushkil al-Athaar*. Beirut: Mu'assasah ar-Risalah.
- [19] at-Tartusyi, Muhammad bin Walid (1419H/1998). *al-Hawadith Wal Bida'*. Dammam: Dar Ibnu al-Jauzi.
- [20] at-Tihan, Mahmud Ahmad (1425H/2004). *Taisiir Mustalah al-Hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- [21] az-Zahrani, Muhammad bin Matar (1426H/2005). *Tadwin as-Sunah an-Nabawiyyah: Nasy'atuhi Wa Tatawwuruhi*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj.
- [22] Ghouri, Syed Abdul Majid (2017). al-Marakiz al-'Ilmiyyah al-Mukhtashshah Bi Khidmat al-Hadis an-Nabawi Fi al-'Alam al-Islami Fi al-'Asr al-Hadhir. *Proceedings of the 2nd INHAD Internasional Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016*. Code 2028.
- [23] Hadi, Isam Musa (1422H/2001). *Hayat al-Albani*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- [24] Ibnu Abdul Bar, Yusuf (1414H/1994). *Jami' Bayan al-'Ilm Wa Fadhliah*. Jil. ke-2. Dammam: Dar Ibnu al-Jauzi.
- [25] Ibnu al-Qayyim, Muhammad Abu Bakar (1423H/2002). *'Ilaam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Aalamin*. Dammam: Dar Ibnu al-Jauzi.
- [26] Ibnu Mandhur, Muhammad bin Mukrim (1993). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Shadir.

- [27] Ibnu Taimiah, Ahmad Abdul Salam (1420H/1999). *Qa'idah Jalilah Fi at-Tawassuli Wa al-Wasilah*. Riyadh: Ri'asah Idarah al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- [28] Ibnu Taimiah, Ahmad Abdul Salam (1420H/2000). *al-Ikhna'iyyah (ar-Rad 'Ala al-Ikhna'iyyah)*. Jeddah: Dar al-Kharraz.
- [29] Irwan Shafrizan (2016). *Lajnah Tahqiq Hadith Tentukan Kesahihan Hadis*. Berita Harian:3.
- [30] Kamus Dewan (2015). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [31] muftiselangor.gov (t.t.). *Soalan-Soalan Lazim*. Diperoleh daripada: <https://www.muftiselangor.gov.my/en/faq> [24 November 2020].
- [32] Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English (1995). Ed. Ke-5. Oxford: Oxford University Press.
- [33] Sakinah Saptu, Azwira Abd Aziz (2012). Konsep al-Tasfiah Dalam Akidah Berdasarkan Sunnah Nabawiyah. *Jurnal Institut Kajian Hadis*. 2(4): 41-62.
- [34] Siraj Mohd Zaini (2017). *19 Ajaran Sesat Masih Aktif di Selangor*. Harian Metro, 7 November: 4.